

**SESI LIBAT URUS BERSAMA KERAJAAN NEGERI MELAKA
 PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS,
 2021-2025 (RMKe-12)**

**TRANSKRIP UCAPAN MUKADIMAH OLEH
 YB SENATOR DR. RADZI JIDIN
 TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL EKONOMI**

**5 JULAI 2019
 BILIK MESYUARAT TUN MUTAHIR
 JABATAN KETUA MENTERI MELAKA**

Yang Amat Berhormat Tuan Haji Adly Zahari

Ketua Menteri Melaka

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Melaka

Yang Berbahagia Dato' Hashim bin Hasan

Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

Yang Berbahagia Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussin

Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Melaka dan Jabatan
Persekutuan

Pegawai-pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

Tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Pertama sekali saya ingin menyampaikan salam YB Dato' Seri Azmin Ali, Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Beliau tidak dapat hadir dalam program pada hari ini kerana berada dalam persidangan OPEC di Vienna, Austria.
2. Seperti mana yang kita sedia maklum, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi sedang merangka dasar pembangunan negara pasca 2020. Jika kita masih ingat sewaktu Wawasan 2020 dilancarkan, masa itu rasa macam jauh lagi tetapi sedar tidak sedar tahun depan 2020.
3. Jadi apakah seterusnya, apakah dasar seterusnya, apakah kesinambungan daripada Wawasan 2020 ini? Dan inilah yang disebut oleh YAB Perdana Menteri sewaktu menyampaikan perutusan setahun Pakatan Harapan pada 9 Mei 2019 tempoh hari. Beliau menyebut antaranya adalah agenda pembangunan negara akan berlandaskan kepada konsep Kemakmuran Bersama atau *Shared Prosperity*.
4. Apa yang ditekankan oleh YAB Perdana Menteri apabila bercakap tentang Kemakmuran Bersama, *the ultimate aim* adalah *by* tahun 2030 seluruh rakyat Malaysia seharusnya mendapat *a decent standard of living*, satu kehidupan yang

selesa. Itulah yang ditekankan dan Kemakmuran Bersama itu mempunyai tiga objektif utama yang disebut oleh YAB Perdana Menteri. Pertama sekali untuk merapatkan jurang antara kelas pendapatan, *income class*, jurang antara kaya dan miskin perlu dirapatkan. Yang kedua adalah jurang antara wilayah, wilayah yang membangun dan wilayah yang kurang membangun, kawasan yang maju dan kawasan yang mundur. Jurang ini perlu dirapatkan. Yang ketiga adalah jurang antara kaum. Suka atau tidak itulah hakikat terdapat jurang yang perlu dirapatkan.

5. Maka inilah yang diberi penekanan iaitu objektif pertama iaitu merapatkan jurang kerana ada situasi jelas di mana apabila jurang ini dibiarkan melebar maka ianya memberi kesan kepada negara, di mana negara sekalipun apabila terdapat jurang terlalu besar antara kaya dan miskin khususnya, antara *region*, antara wilayah khususnya, ianya memberi satu impak yang tidak baik kepada negara. Jadi itu objektif pertama.
6. Yang kedua, apabila YAB Perdana Menteri bercakap tentang Kemakmuran Bersama, fokus yang kedua adalah dari segi pembangunan ekonomi. Kita boleh berkongsi

kekayaan, kita boleh berkongsi kemakmuran hanya jika ekonomi itu berkembang. Sebab itulah tunjang kedua adalah untuk menstrukturkan semula ekonomi, memastikan bahawa ekonomi ini dapat berkembang, menumpukan kepada ekonomi yang bernilai tinggi dan penstrukturkan semula ekonomi ini suka atau tidak kita perlu lakukan segera.

7. Sebahagian usaha sedang dilakukan oleh Kerajaan pada hari ini, saya sebut dalam penutup di *Kick-Off Conference* semalam, MEA baru saja selesai *Kick-Off Conference* untuk RMKe-12, dan saya sebut di situ bahawa sewaktu saya graduate pada tahun 1999, *start* kerja masa itu *market*, pasaran pada tahun 2000. Graduan dapat gaji sekitar RM1,500 ke RM2,500 itu satu kebiasaan, RM2,000 satu kebiasaan, itu 20 tahun yang lalu. Selepas 20 tahun graduan pun, *willing to accept the same amount of salary* tapi *at the same time inflation kept on increasing*. Jadi pendapatan itu telah dimakan oleh inflasi *for so many years*. Jadi itulah kalau kita tengok antara isu utama yang dihadapi apabila kita bercakap tentang *cost of living*.
8. Itu yang kedua, dan yang ketiga adalah objektif ketiga Kemakmuran Bersama adalah menumpukan kepada *nation*

building, pembangunan negara, mewujudkan keharmonian dalam negara supaya rakyat Malaysia dapat kembali bersama untuk membentuk Malaysia sebagai sebuah paksi ekonomi Asia. Itulah tiga tunjang utama yang ditekankan oleh YAB Perdana Menteri.

9. Jadi dalam konteks RMKe-12 ini ada tiga dimensi utama yang diberi keutamaan iaitu pemerkasaan ekonomi, kemampanan alam sekitar dan perekayasaan sosial (social re-engineering). *Approach* yang kita guna dalam membentuk RMKe-12 bukan sahaja *top-down*, bukan sahaja arahan, tidak, *top-down* dan *bottom-up approach*, maknanya dari atas dan juga bawah. Sebab itulah ini adalah merupakan satu sesi libat urus pertama dengan kerajaan negeri. Kita baru selesai *Kick-Off Conference* semalam, hari ini terus mula sesi libat urus dengan Kerajaan Negeri, dan sesi libat urus ini akan berterusan sehingga akhir bulan Ogos.
10. Dalam bulan Julai dan Ogos ini kita akan ke seluruh negara untuk mendapat pandangan daripada Kerajaan Negeri. Apabila kita bercakap tentang *bottom-up approach* ini bukan sahaja dengan Kerajaan Negeri, tetapi dengan semua pihak berkepentingan, pemegang-pemegang taruh dari sektor

swasta, dari industri, dari pihak akedemia, dari NGO dan sebagainya supaya RMKe-12 ini dapat mengambil kira merangkum kesemua *feedback* dan pandangan yang diterima dan dapat membentuk satu dasar yang lebih baik bagi lima tahun yang akan datang.

11. Jika kita lihat RMKe-12 ini merupakan dokumen pertama yang mana Kerajaan bertanggungjawab sepenuhnya dalam konteks RMK. Dalam masa RMKe-11, YAB Perdana Menteri telah membentangkan Kajian Separuh Penggal RMKe-11 pada bulan Oktober dan Kajian Separuh Penggal ini separuh orang lain sudah buat, kita masuk pada bulan Mei itu sepatutnya MEA masa itu, EPU sudah siap Kajian Separuh Penggal sebelum pilihan raya, dan tidak sangka kita menang pun. Jadi bila menang ini *they have to reframe the Kajian Separuh Penggal tersebut supaya bahagian pertama Kajian Separuh Penggal itu menceritakan tentang status kejayaan apa yang telah dilaksanakan dan bahagian kedua Kajian Separuh Penggal itu ialah tentang *moving forward*, tentang apa yang ingin dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Harapan.*
12. Ini merupakan dokumen pertama *full* yang mana Kerajaan Pakatan Harapan akan bertanggungjawab maknanya

seluruh dokumen untuk tahun 2020 hingga tahun 2025. Jadi untuk mendapatkan *feedback* ini, Negeri Melaka sebagai sebuah negeri yang pertama dan apabila kita lihat betapa pentingnya satu libat urus yang menyeluruh kerana ekonomi pada hari ini, ekonomi Malaysia pada hari ini berkembang pada 4.7% tahun 2018, dan ini masih lagi walaupun orang kata rendah, turun, World Bank kata masih rendah, semakin rendah, tapi hakikatnya ianya berdasarkan apa yang kita jangkakan daripada awal antara 4.3% hingga 4.8% masih *within the range* yang kita agak yang kita sasarkan sebelum ini.

13. Tapi apa yang kita lihat antara isu utama yang seperti mana saya sebut tadi yang dihadapi oleh rakyat. Pertamanya saya baru bincang dengan YAB Ketua Menteri tadi tentang B40, kita bercakap tentang perumahan. Ini antara perkara yang paling penting perlu kita tangani. Maknanya pelbagai usaha telah dibuat oleh Kerajaan yang dahulu, apa yang baik kita terima, apa yang baik kita boleh teruskan dan kita ingin melihat apa yang boleh ditambah baik supaya golongan ini kita dapat *address* dan selesaikan. Dan perlu diingat berapa lama pergi pun negara ini B40 akan wujud, B40 adalah *below 40* akan wujud tapi kita mahu pendapatan itu

meningkat. Jadi pendapatan itu meningkat supaya fokus kita *instead of B40* mungkin lebih kepada *group* yang lebih terbawah. Jadi itu antara perkara yang perlu diambil kira dan selain daripada itu isu berkaitan dengan produktiviti contohnya.

14. Ini antara keutamaan Kerajaan dan juga disebut oleh Bank Dunia dan IMF, apabila *market* begitu kompetitif situasi ekonomi global pun agak tidak menentu, maka *one way forward* adalah untuk memberi fokus kepada produktiviti khususnya dalam konteks negara kita. Sebab itulah kita boleh lihat masih banyak ruang untuk kita di Malaysia meningkatkan produktiviti. Apabila kita bercakap tentang peningkatan produktiviti ini selari dengan apa yang disebut oleh YAB Perdana Menteri, bahawa bagaimana *Industry Revolution 4.0 (IR 4.0)* boleh membantu kita dalam memastikan produktiviti dapat dipertingkatkan.
15. Begitu juga dalam konteks R&D, ini antara bidang yang kita agak terkebelakang. Apabila kita bercakap tentang R&D banyak penyelidikan yang dibuat, di universiti-universiti banyak penyelidikan yang dibuat, tetapi apa dari penyelidikan tersebut, setakat mana yang boleh

dikomersilkan. Jika kita lihat banyak geran-geran kerajaan berikan untuk akademia melakukan penyelidikan dan sebagainya tetapi isu pengkomersilan ini masih kekal hingga hari ini, masih banyak isu yang tidak selesai dan inilah tumpuan Kerajaan. Jika hendak bersaing, kita tidak boleh bersaing dalam ekonomi tradisional seperti sebelum ini.

16. Apa yang berlaku pada kita hari ini, kita bermula sebagai ekonomi pertanian, kita berubah masa pada awal 80-an dengan menjemput syarikat-syarikat luar membuka kilang dan sebagainya, 90-an pun masih lagi dan sepatutnya kita sudah *graduate* tapi kita masih lekat di *middle income*, masih menggunakan satu model yang sama. Jadi untuk keluar untuk bersaing dalam pasaran hari ini kita perlu melihat pada R&D, pada inovasi dan sebagainya supaya kita dapat menjana ekonomi yang bernilai tinggi.
17. Jadi dalam konteks Negeri Melaka, sumbangan Melaka pada nasional adalah sebanyak 3.1%. Tapi terdapat peningkatan pertumbuhan yang menggalakkan untuk Negeri Melaka iaitu sebanyak 6.3% bagi tempoh dua tahun pertama RMKe-11, 2016 dan 2017, dan pertumbuhan ini lebih tinggi

berbanding dengan purata nasional 5.1%, Melaka 6.3%. So, satu asas yang baik untuk Negeri Melaka.

18. Dari segi pendapatan pula, Melaka mencatatkan pendapatan per kapita sebanyak RM46,015 bagi tahun 2017 melepas paras nasional, paras nasional baru RM42,228. Dan seperti mana yang kita tahu antara sektor utama yang memacu pertumbuhan Melaka adalah sektor perkhidmatan dan juga terutamanya melalui pelancongan dan juga pembuatan. Jika kita lihat pada tahun 2017, sumbangan kedua-dua sektor ini kepada ekonomi Melaka mencecah 85% iaitu sektor perkhidmatan menyumbang 45% dan sektor pembuatan menyumbang 40%.
19. Namun seperti mana kita tahu walaupun Melaka menunjukkan pertumbuhan yang baik, menunjukkan pembangunan yang baik masih ada isu-isu yang perlu dilihat, yang perlu diberi perhatian dan apa yang kita tekankan, setiap negeri ini mempunyai keunikan masing-masing, setiap negeri ini *like it or not* masing-masing ada kelebihannya, dan setiap negeri ini juga masing-masing ada isunya, ada perkara yang perlu ditangani. Oleh yang demikian, saya juga maklumkan pada pihak Kementerian

kita hendak tengok apabila kita pergi *roadshow* setiap negeri ini, keunikan kehebatan *natural strength of the state* supaya benda ini boleh *dicapitalisedkan* dan boleh digunakan sebaiknya.

20. Kadang-kadang kita *ignore this natural strength, strength* yang kita ada ini memang *inherent in the state*, yang tidak *dicapitalisedkan*, tidak digunakan sepenuhnya tetapi sekiranya ada apa-apa *area* yang memang menjadi kekuatan sesebuah negeri itu, itulah antara *area* yang boleh diberi penekanan supaya perkembangan itu jauh lebih cepat daripada hendak *start* daripada awal.
21. Jadi apabila kita bercakap tentang Pelan Pembangunan RMKe-12, apabila kita keluar dengan *full document* RMKe-12, ini bukan milik Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, kita ini sebagai sebuah Kementerian yang dipertanggungjawabkan membantu Kerajaan merangka RMKe-12. Jadi dokumen ini adalah milik semua, milik seluruh rakyat Malaysia termasuklah Kerajaan Negeri Melaka. Sebab itulah kita hargai setiap pandangan, setiap pelan pembangunan negeri dan sebagainya dari setiap negeri dan apa yang kita ingin lihat adalah supaya pelan-

pelan pembangunan negeri jika ada, ianya seharusnya dijajarkan dengan pelan pembangunan nasional supaya selari dari segi peruntukan pembangunan, dari segi pelan pembangunan dan sebagainya ianya dapat diselarikan.

22. Oleh yang demikian, kita berharap dokumen RMKe-12 ini menjadi satu dokumen yang akan merencana pembangunan negara untuk tempoh lima tahun akan datang dan dokumen ini akan dibentangkan di Parlimen dalam suku ke-3 tahun depan, maknanya dalam tahun 2021 sudah *ready full all* untuk lima tahun berikutnya, lima tahun terawal dalam konteks Kemakmuran Bersama yang saya sebutkan awal tadi.
23. Oleh yang demikian, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri di atas kesudian menerima kami dan juga di atas persediaan yang diberikan, saya dimaklumkan telah ada banyak perbincangan untuk mencari apa yang perlu ditekankan dan sebagainya, dan juga kepada pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi kerana telah merencanakan program *roadshow* ini yang merupakan satu pendekatan seperti mana yang saya sebut tadi, pendekatan kita fokus bukan sahaja *top-down* tetapi juga

bottom-up approach untuk mendapatkan ruang sebaiknya, untuk memberikan ruang sebaiknya kepada semua pihak.

24. Oleh yang demikian, saya amat berharap supaya program hari ini dapat memberikan manfaat kepada kedua-dua belah pihak terutamanya Kerajaan Negeri. Kita lihat bagaimana kita boleh menyampaikan hasrat Kerajaan dan kita boleh melihat apa yang hasrat Kerajaan Negeri Melaka. Saya Sudah dengan wabillahitaufik walhidayah wasalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Terima kasih.